



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

FAKULTI PERAKAUNAN

BULETIN FPN



fa

Program ceramah zakat: Penyucian harta dan ketenangan jiwa

Ida Haryanti Mohd Noor dan PM Dr Norlaila Md Zin

Pada 16 Jun 2023 yang lalu bersamaan dengan hari Jumaat, Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah menganjurkan Program Ceramah Zakat: Penyucian Harta dan Ketenangan Jiwa bertempat di Dewan Kuliah TPSU 1, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Abdul Muiz Bin Shafie yang merupakan Pegawai Dakwah MAINS. Jemputan bagi program ini terdiri daripada staf UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan juga para pelajar daripada Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi yang mengambil subjek Percukaian. Objektif program ini ialah untuk menyampaikan maklumat berkaitan zakat dan kepentingannya, jenis-jenis zakat serta cara pengiraan zakat.



PROGRAM CERAMAH ZAKAT
PENYUCIAN HARTA DAN KETENANGAN JIWA

Ustaz Abdul Muiz Bin Shafie
Pegawai Dakwah
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)

JUMAAT
16 JUN 2023
9:30 Pagi
11:30 Pagi

Lokasi : Dewan Kuliah TPSU 1

Anjuran :
Fakulti Perakaunan
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

Scan QR Code Untuk Kehadiran & Jam Latihan

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا مِن تَطَوُّعِكُمْ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا
أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَتَّبِعُوا الْهَيْدِ مِن تَتَّبِعُونَ وَلَسْتُمْ
بِقَائِدِهِ إِلَّا أَن تَعُوضُوا فِيهِ وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ
"Hai orang-orang beriman! Nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian daripada hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu."
(Surah Al-Baqarah 2:267)

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

Rajah 1: Poster program ceramah zakat

Sebagai umat Islam, kita mengetahui bahawa menunaikan zakat merupakan salah satu daripada Rukun Islam. Zakat bermaksud mengeluarkan harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu (Lembaga Zakat Selangor, n.d.). Terdapat banyak hikmah yang boleh diperolehi melalui pembayaran zakat. Antaranya ialah menyucikan dan menyuburkan harta pembayar zakat, memberi ketenangan jiwa kepada pembayar zakat serta terhindar daripada perasaan kedekut.

Kuiz mengenai zakat turut diadakan bagi mengaplikasi ilmu yang telah disampaikan oleh penceramah. Peserta diminta untuk mengira zakat pendapatan bagi individu berdasarkan soalan yang diberikan di dalam kuiz tersebut. Cenderahati turut diberikan oleh wakil MAINS kepada mereka yang berjaya menjawab soalan kuiz dengan tepat.



Rajah 2: Sesi bergambar bersama penceramah dan para pensyarah Fakulti Perakaunan serta pelajar

Sesungguhnya, program ceramah ini telah banyak memberi manfaat kepada tetamu jemputan kerana mereka dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai jenis-jenis zakat, kepentingan menunaikan zakat serta cara pengiraan zakat yang tepat. Diharapkan, program kerjasama seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa yang akan datang dalam memastikan penyampaian ilmu dapat dilestarikan kepada seluruh masyarakat.

Rujukan

Lembaga Zakat Selangor. (n.d). *Pengertian Zakat*. <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/pengertian-zakat/>